

Perlaksanaan Sistem E-Tauliah Bagi Semakan Kelayakan Guru Takmir Masjid, Premis Pengajian Dan Surau Di Negeri Perak

Mohd Amirul Helmi Ismail *, Mohd Adil Mat Ti @ Mokti

ICT Department, Politeknik Ungku Omar, 31400 Ipoh, Malaysia.

ABSTRAK

Portal e-Tauliah dibangunkan bagi memudahkan proses permohonan tauliah mengajar di masjid, premis pengajian dan surau di seluruh Negeri Perak. Proses pengurusan pentaauliah yang semakin rumit disebabkan pertambahan jumlah institusi agama di setiap daerah dalam Negeri Perak. Dengan adanya portal e-Tauliah ini, segala proses permohonan dapat dibuat atas talian dan juga semakan status permohonan tersebut secara atas talian serta aplikasi mobile. Portal e-Tauliah ini juga memaparkan maklumat mengenai semua pemegang tauliah bagi semua kategori dan memberi maklumat kepada masyarakat, agensi kerajaan dan swasta dalam membuat pemilihan penceramah yang bersesuaian di Negeri Perak bagi membolehkan mereka menghubungi penceramah secara terus bagi tujuan dan maksud mendapatkan perkhidmatan mereka. Aplikasi mobile memudahkan pihak kariah surau, masjid dan umat islam untuk menyemak tauliah pengajar secara pantas. Akses ini membolehkan penguatkuasaan kepada penyebaran dakwah dan salah kepada umat Islam.

PENGENALAN

Pertambahan jumlah penceramah di masjid dan surau di seluruh masjid dan surau di Negeri Perak menyebabkan pengurusan data penceramah menjadi lebih rumit. Kaedah merekod data penceramah secara manual dan maklumat peribadi penceramah boleh berlaku percanggahan di kalangan umat Islam. Selain itu, carian dan capaian ke atas maklumat penceramah begitu sukar dilakukan kerana pengurusan maklumat yang tidak cekap dan sistematik. Ledakan teknologi maklumat meningkatkan keperluan terhadap sistem pengurusan berkomputer yang lebih sistematik. Keperluan ini disebabkan komputer banyak mempengaruhi pengurusan pejabat dan penyimpanan maklumat. Pangkalan data secara elektronik dibina bagi memudahkan penyimpanan data, capaian dan pencarian maklumat mengenai penceramah. Proses kemaskini data juga dapat dilakukan dengan lebih baik. Proses ini dapat menjimatkan masa pihak pengurusan Majlis Agama Islam Negeri Perak dan pentadbir Jabatan Agama Islam Negeri Perak dalam membuat pemantuan penyebaran dakwah secara tidak terkawal. Walau bagaimanapun, pengurusan pangkalan data secara bersendirian tidak begitu efektif terutama bagi sebuah organisasi yang besar seperti Majlis Agama Islam Negeri Perak. Oleh itu, satu sistem pangkalan data berpusat amat diperlukan bagi menyokong pengurusan data yang lebih efektif. Sistem pangkalan data tersebut dapat memudahkan penyimpanan maklumat, pencarian dan meningkatkan capaian data. Selain itu, sistem ini juga dapat menyokong perkongsian maklumat di antara Masjid dan Surau di seluruh Malaysia melalui Internet atau World Wide Web. Kertas kerja ini mencadangkan model perkongsian data secara berpusat bagi data penceramah bertauliah dengan menggunakan World Wide Web sebagai antara muka pengguna. Model ini dijangkakan akan dapat mempromosikan pengurusan masjid tanpa kertas dan menyumbang ke arah pembangunan dan memantau penceramah yang bertauliah agar mengikut garis panduan dan mereka yang benar-benar bertauliah sahaja dibenarkan menyampaikan ceramah atau program pengajian agama.

*Koresponden: amirulhelminetwork@gmail.com

SOROTAN KAJIAN

Teknologi Maklumat

Menurut Zamri [1], teknologi maklumat merupakan satu terma umum yang meliputi bidang pengajian yang luas seperti komputer, rangkaian, aplikasi penggunaan, etika, dan sebagainya. Terdapat pelbagai definisi digunakan untuk menerangkan terma ini. Terma ini pertama kali digunakan pada tahun 1958. Ia meliputi pelbagai bidang yang berbeza dan meliputi bidang seperti komputer, sistem maklumat, perkakasan komputer, pangkalan data, rekabentuk sistem, dll. Pendeknya apa-apa yang melibatkan data, maklumat dan pengetahuan adalah terlibat dalam bidang teknologi maklumat.

Mengikut ACM-SITET [1], teknologi maklumat meliputi lima komponen iaitu pengaturcaraan, rangkaian, antara-muka manusia komputer, pangkalan data dan sistem web. Pada dekad 1990an, komputer dan rangkaian komputer mula digunakan secara meluas di organisasi kerana pada masa tersebut, organisasi sudah mula bergantung kepada komputer dan rangkaian untuk melakukan pelbagai aktiviti harian berkaitan pengurusan dan perniagaan.

Internet

Teknologi Internet [2] bermula dari ARPANET, yang dibangunkan pada tahun 1969 oleh Agensi Projek Penyelidikan Lanjutan (ARPA), Jabatan Pertahanan AS. Sehingga kini, bilangan hos meningkat kepada ratusan juta, manakala bilangan pengguna semakin bertambah sehingga melangkaui bilion, serta jumlah negara yang menggunakan akses Internet menghampiri bilangan 200 negara. Penggunaan Internet kini semakin dan terus berkembang dengan pesat.

Tujuan Internet adalah untuk menghubungkan pengguna akhir [2]. Ianya terdiri daripada komputer peribadi, stesen kerja, pelayan, kerangka utama, dan sebagainya. Kini, komputer datang dalam pelbagai bentuk termasuk telefon pintar [5] dan juga kereta [4] yang menjadikan Internet sebagai medium perhubungan antara satu sama lain.

Sistem Pangkalan Data Berpusat

Pangkalan data sentiasa menjadi komponen penting dalam mana-mana sistem maklumat. Tren semasa telah menunjukkan peralihan pendekatan tradisi pangkalan data hubungan berpusat kepada pangkalan data termaju. Penyelidikan dalam bidang pangkalan data merangkumi sub bidang terkehadapan berikut: web semantik, pangkalan data (berpusat, teragih, selari, mudah alih, multimedia, bio-medik); kualiti data; gudang data; perumusan, pemprosesan dan pengoptimuman pertanyaan; integriti, integrasi, privasi dan keselamatan dalam pangkalan data; aplikasi, model dan kerangka untuk e-dagang, e-kerajaan; dan pengurusan ontology [5].

Penyataan Masalah

Cara konvensional bagi carian tauliah mengajar penceramah agama memerlukan pihak pengurusan masjid menyemak dengan Jabatan Agama Islam Daerah. Pihak pengurusan Jabatan Agama Daerah akan merujuk dengan data tauliah guru dan pengajar agama dengan pihak pengurusan Jabatan Agama Islam Negeri Perak. Kaedah lebih efisien untuk pengurusan semakan terkini adalah melalui carian pantas berasaskan web dan aplikasi mudah alih di telefon pintar. Oleh itu, sistem akses semakan e-auliah secara berpusat ini dibangunkan untuk menjadikan carian senarai penceramah dan guru bertauliah lebih pantas serta memaparkan maklumat tauliah dan bidang kepakaran seseorang penceramah dengan lebih tepat. Selain itu, sistem ini boleh dikawal menggunakan aplikasi telefon pintar dan boleh diakses di mana sahaja.

METODOLOGI KAJIAN

Objektif

Membangunkan sebuah sistem pengkalan data e-tauliah bagi semakan kelayakan guru takmir masjid, premis pengajian dan surau di negeri Perak.

Persoalan Kajian

Adakah sistem pengkalan e-tauliah ini boleh dibangunkan?

Kajian Eksperimental


Kajian eksperimental yang dirangka untuk pelaksanaan sistem pengkalan data e-tauliah ini melibatkan pelaksanaan, pengesahan dan penyelenggaraan sistem.

Jadual 1 Jadual Kajian Eksperimental

Bil	Kaedah	Keterangan
1	Pelaksanaan	Proses pembangunan sistem mengikut keperluan yang telah dikenalpasti.
2	Pengesahan	Melaksanakan proses ujicuba sistem kepada sebilangan pengguna terpilih untuk mendapatkan maklumbalas.
3	Penyelenggaraa n	Melaksanakan proses pemasangan sistem secara sepenuhnya dan memberikan akses kepada semua pengguna yang terlibat.

Tujuan sistem ini dibangunkan adalah untuk menyemak kelayakan guru takmir masjid, premis pengajian dan surau di negeri Perak melalui aplikasi telefon pintar secara jarak jauh dan boleh diakses di mana sahaja.

Rajah 1 menunjukkan carta alir proses perjalanan sistem pengkalan e-tauliah.




Rajah 1. Carta alir proses perjalanan system.

KEPUTUSAN

Kajian ini dihasilkan untuk menerangkan proses pembangunan sistem pengkalan data e-tauliah. Keputusan adalah berdasarkan pelaksanaan sistem yang akan dibangunkan.

Gambarajah sistem



Rajah 2. Rekabentuk logikal system.



Rajah 3. Rekabentuk sistem.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pembangunan sistem akses e-tauliah semakan penceramah dan guru secara berpusat ini direka dengan tujuan untuk memudahkan pihak institusi yang akan merencanakan aktiviti majlis ilmu mendapatkan senarai penceramah pakar dalam bidangnya dan mereka adalah yang bertauliah oleh Jabatan Agama Islam Negeri Perak. Sistem ini juga boleh mendapatkan status tauliah dan kepakaran penceramah secara atas talian dengan lebih pantas. Sistem ini boleh diakses di mana-mana sahaja kerana ianya direka berasaskan system maklumat berpusat yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan terkini. Sistem ini merupakan sistem yang kos efektif serta dapat menjadi alternatif terbaik kepada masalah yang dihadapi.

RUJUKAN

- M. Zamri M. et al. Teknologi Maklumat dan Persekitaran. Fakulti Teknologi Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia (2011).
- Stallings, W. Data and computer communications. Boston: Pearson. (2014).
- Williams, M. A quick start guide to cloud computing: moving your business into the cloud. London Philadelphia: Kogan Page. (2010).
- Wikipedia. Smartphone. Retrieved January 2017, from <https://en.wikipedia.org/wiki/Smartphone> (2017)
- Sistem Pangkalan Data: Sekolah Pengajian Siswazah, https://sgs.upm.edu.my/kandungan/sistem_pangkalan_data-3069?L=bn

